



Peringatan

Untuk memberi peluang supaya dapat kita menjawab pertanyaan-pertanyaan yang banyak didatangkan maka diminta penanya-penanya mendatangkan hanya satu pertanyaan saja dan kita akan menjawab, insya-Allah, suatu pertanyaan itu. Sebaiknya kita akan menerangkan bahawa kita tidak terikat mesti menjawab tiap-tiap pertanyaan yang didatangkan kepada kita. Kita berhak memilih pertanyaan-pertanyaan yang disampaikan kepada kita dari masa ke masa kerana kalau kita terikat mesti menjawab maka sudah tentu ruangan tanya jawab ini tidak dapat mengadakan tempatnya.

* * *

Kepada saudara Rahmat bin Abd Rahman, 951, Bagan, Dalam, Butterworth: Surat saudara yang pertama telah kami terima dan disebabkan hantaran saudara itu hanya memberi kenyataan-kenyataan sahaja dan kerana tidak tahu apa yang saudara tanyakan maka kerana itu kami telah menghantarkan sepucuk surat kepada saudara meminta supaya saudara menyatakan: Apakah perkara yang menjadi pertanyaan itu. Tetapi malangnya kami hingga hari ini tidak mendapat jawapan dan keterangan hanya saudara bertanya: Mengapa perkara itu tidak dijawab. Mudah-mudahan dengan tersiar ini dapat kiranya saudara menghantarkan pertanyaan itu supaya kami selidiki perkaitannya dengan barang yang saudara hantarkan.

* * *

Bukhari Haji Idris, 108-D, Holland Road, Singapura, bertanya: Pada malam bulan Ramadhan yang lalu, di sebuah masjid, saya terdengar suara bacaan Quran yang

merdu dan bergelombang. Maka tertarik hati kepada bacaan itu. Tetapi saya tidak mengerti apa maksud ayat yang dibacanya itu.

Maka di sini saya catitkan ayat yang dibacanya.

Yā ayyūhā alladhīnā āmānū lā tattakhidhū al-yahūda wa al-naṣārā aw liyā'u ba'ḍuhum aw li yā'u ba'ḍ. Wa man yatawallahum minkum fainnahu minhum.

Inna Allāha lā yahdī al-qawma al-zālimīn (Surah *al-Ma'idah*, ayat 51).

Saya harap kepada tuan tolong berikan makna ayat yang di atas ini, juga maksudnya selain dari itu.

Adakah keterangan dari Quran dan hadis yang menyeru melagukan bacan Quran? Dan adakah firman Allah dan sabda Nabi (SAW) melarang melagukan bacan Quran?

Jawab: Ayat itu maksudnya: Hai orang-orang yang beriman janganlah kamujadikan orang Yahudi dan Nasrani itu sebagai ketua-ketua, sebahagian daripada mereka (sepautunya) jadi ketua bagi sebahagiannya kerana barang siapa di antara kami menjadikan mereka sebagai ketua maka sesungguhnya ia (jadi) sebahagian dari mereka. Sesungguhnya Allah memberi petunjuk kepada kamu yang zalmi.

Awliyā' itu, ada juga ditafsirkan dengan makna wali dan wali itu dikehendaki oleh penafsir tersebut dengan erti mengambil orang-orang yang tersebut tadi (Yahudi dan Nasara) menjadi penolong sahabat akrab, dan mengetahui keadaan kaum Muslimin.

Di dalam sejarah turunnya ayat itu adalah bersebab kerana kekhianatan bangsa-bangsa itu kepada Islam dan dengan kerana itu maka ayat itu diturunkan supaya menjadi peringatan kepada orang-orang Islam jangan menjadikan mereka ketua-ketua.

Dalam tafsir "*al-Manār*", tatkala diperingatkan suatu hal yang dalam maknanya pada usul ayat ini pengarang kitab itu berkata: dalam ayat ini Tuhan menegah kaum

Muslimin mengambil orang Yahudi menjadi pemimpin mereka. Pada hal menurut yang biasa Tuhan menyebutkan kalimah bagi mereka itu ahli Kitab ganti kepada kedua pemeluk agama itu. Yang demikian itu menurut “*al-Manār*” sebabnya Tuhan mlarang demikian kerana orang Yahudi dan Nasara telah memusuhi Nabi dan agama Islam walau bagaimanapun mereka hingga sekarang ini tidak senang jika Islam itu bangkit. Hal ini terjadi bukannya kerana mereka ahli Kitab bukan kerana anjuran *al-Kitāb* yang dibawanya itu. Sebab anjuran *al-Kitāb* yang dibawa oleh mereka tidak menyuruh melakukan yang demikian itu.

Islam di dalam sejarahnya telah menunjukkan bahawa tidak ditegah mereka bekerja untuk kebaikan kita, tetapi yang ditegah ialah menjadikan mereka pemimpin-pemimpin kerana walau bagaimanapun baiknya, walaubagaimanapun keadaannya mereka akan tidak senang kepada perkembangan dan kebangkitan umat Islam. Tegahan daripada Tuhan ini tentulah lebih jelas kepada kita. Tentunya, jika tidak ada sifat-sifat memusuhi agama Islam tidaklah larangan itu dibuat sekalipun tuntutan agama Islam pada umatnya supaya hati-hati pada pengaruh mereka tidak akan jauh daripada pengertian kita. Menurut keterangan-keterangan ini fahamlah kita apa sebabnya khalifah-khalifah yang besar yang mengetahui roh-roh agama Islam menggunakan orang-orang, menggunakan pegawai-pegawaiannya daripada orang-orang Yahudi dan Nasrani. Dan apakala kita buka lembaran sejarah maka banyak juga terlihat agama Islam mempunyai perhubungan dengan pemeluk kedua agama tersebut untuk memajukan lapangan keilmuan tetapi mereka hanya bekerja -tidak dijadikan wali atau pemimpin. Ingatlah kepada akhir ayat itu bahawa barang siapa yang menjadikan mereka pemimpin (ketua) sesungguhnya Allah tidak menunjukki akan kaum-kaum yang zalim.

Hal ini saudara tentu mengerti akan bahaya-bahayanya, maka oleh sebab itulah di dalam keadaan dan kedudukan kita

sekarang, kerana kelemahan kita, sekalipun mereka diletakkan sebagai pemimpin tetapi hendaklah bagi kita yang mengikutnya tidak meyakinkan terus akan pimpinannya – mesti mencemburi dan menghalusi ke mana mereka membawa kita. Oleh sebab itu di dalam tiap perjuangan hendaklah kita tegas – tahu menempatkan kedudukan kita, tahu meletakkan perjuangan kita untuk keselamatan kita, tidak melanggar tegahan-tegahan Tuhan itu.

* * *

‘Alwī bin Awang. Nung, Ikhwan 2865, Kampung Ulu Gaya Raub, Pahang, bertanya: Apakah hukumnya seseorang yang sangat tua mengidap penyakit selalu sangat keluar najis dan lagi tidak nampak, tidak mengerjakan sembahyang?

Jawab: Sembahyang tiang agama. Tua atau muda diwajibkan mesti mengerjakan sembahyang dan kalau ada penyakitnya seperti yang tersebut maka hendaklah ia mengerjakan sembahyang itu sesudah dibersihkan segala najis-najis yang ada dan menutup tempat najis yang keluar. Oleh sebab penyakit itu tidaklah sembahyang itu mesti diuzurkan dan peraturan dengan sembahyang itu ada – boleh duduk jika tidak bertenaga, boleh dengan isyarat jika boleh bangun – sedang kewajipan mesti ditunaikan.

* * *

Sadiq bin Yaacob, Bachok, Kelantan, bertanya: Segala undang-undang perlombagaan sesebuah negeri yang telah merdeka, bolehkah atau tidak dipinda?

Jawab: Undang-undang perlombagaan itu, jika didapatilonggar atau tidak bersesuaian maka dari satuke satu masa undang-undang itu boleh dipinda, ditambah dan dikurangi atau seumpamanya. Tetapi pindaan-pindaan itu tidak boleh dilakukan oleh orang perseorangan dan hendaklah diluluskan oleh ahli-ahlinya.

* * *

Ja’afar Muhammad, Group 210A, Kastam Kuarters,

Prai, bertanya: Bagi kanak-kanak yang belum akil baligh dan tidak mukallaf – adakah wajib di atas ibu bapanya atau penjaganya mengeluarkan fitrah untuknya sebagaimana yang diamalkan oleh setengah-setengah orang?

Sebab rukun Islam yang lima itu terwajib sahaja di atas mereka yang mukallaf dan akil baligh menunaikannya. Kalau di atas ibu bapanya atau penjaganya -kenapakah pula tidak mereka tunaikan rukun-rukun Islam yang lain untuk anak-anak mereka yang tidak mukallaf dan akil baligh?

Mengapakah tidak boleh – kata setengah-setengah ulama – orang-orang yang berqada' (yang berhutang) sembahyang fardhunya menunaikan sembahyang mayat? Jikalau tidak ada orang yang cukup sembahyang fardhunya di dalam mukim itu bagaimana? Adakah wajib mencari orang-orang yang cukup sembahyang fardhunya dari mukim lain?

Jawab: Rasulullah (SAW) bersabda maksudnya: "Telah berkata Ibn 'Umar: Rasulullah (SAW) telah fardhukan zakat fitrah satu sah, dari kurma atau satu sah dari gandum atas hamba, orang mereka – lelaki, perempuan, kecil dan besar dari kaum Muslimin, dan Rasulullah perintahkan supaya dikeluarkan zakat sebelum orang keluar sembahyang (Hari Raya) –"

Hadis sahih riwayat Bukhari dan Muslim.

Di sini terang dan jelas bagi perintah itu yang diperintah mengeluarkan zakat bagi seseorang bapa kepada anak-anaknya kerana tanggungannya. Tentang lain-lain perkara maka diwajibkan kepada bapa mengajar anak-anaknya sebelum akil baligh menjalankan perintah-perintah agama khususunya tentang sembahyang dan kalau enggan hendaklah dikerasi. Selagi kecil kanak-kanak itu tidak ada tanggungjawabnya kepada Tuhan untuk mengerjakan sesuatu melainkan apabila ia telah akil baligh. Tanggungan bapa ialah menyalurkan anak kepada

jalan beragama kerana anak-anak itu dipandang sebagai kain putih dan ibu bapanya yang akan menjadikannya Nasrani atau Yahudi atau Majusi. Adalah menjadi suatu perkara yang sangat memberatkan jika seseorang anak yang dizahirkan itu sebelum balighnya, sebelum mempunyai kekuasaan diwajibkan beribadat dan ibadatnya itu ditanggung oleh ibu bapanya. Agama Islam tidak mengajarkan yang demikian itu.

* * *

Muhammad Sibu Yahya Ma'sum, District Council Office, Sarawak, bertanya (setelah membawa fatwa Jabatan agama Johor:)

- 1) Adakah keterangan dari Al-Qur'an atau al-Hadîs yang menetapkan wajib i'tâdah?
- 2) Adakah diiluluskan mengulangi sembahyang Zohor, Asar dan lain-lainnya di dalam waktu yang lain – misalnya: mengulangi sembahyang Zohor di dalam waktu Isyak?

Jawab: Pertanyaan saudara itu atau kemosyikilan saudara semolek-moleknya saudara tanyakan kepada tuan Mufti Kerajaan Johor yang menyiarakan fatwa itu. Kita belum lagi menatap fatwa itu dan kerana itu moleklah saudara menyatakan kemosyikilan kepada tuan Mufti Johor mudah mudahan dapat memuaskan hati saudara dengan keterangan beliau.

* * *

K.M Indian Forest Department North Brunei, bertanya: Hari raya Aidil Fitri 1376 di sini dirayakan 2 hari: 1.5.57 dan 2.5.57, tetapi lebih dari 90 peratus umat Islam di sini telah bersembahyang pada 1.5.57 dan ini juga mengikut keputusan dari seorang Imam. Seseorang hamba Allah yang berpengetahuan yang bersembahyang pada 2.5.57 telah terdengar Imam itu berkata: Orang-orang yang bersembahyang pada 1.5.57 itu tidak

berpengetahuan agama.”

Seorang hamba Allah (Islam) telah dikatakan kafir, oleh seseorang pendidik (Islam) di hadapan sekumpulan orang-orang Islam termasuk Tok Guru (bekas Imam) dan Tuan Haji disebabkan hamba Allah itu berhari raya pada 1.5.57, bererti tidak mencukupi puasanya 30 hari (?) Tok Guru pula menghukum supaya hamba Allah itu bertaubat dan mengucapkannya di hadapan kumpulan itu juga sebanyak 3 kali dan mesti membayar hutang puasanya itu.

Dengan ini saya minta tuan memberi penerangan tentang:

- (1) Di manakah kedudukan yang betul dalam soal ini: dan (2) adakah boleh seseorang Islam berkata kepada seorang Islam juga, kafir tentang puasa? Adakah mesti mencukupi 30 puasa hari, kalau tidak mesti bayar?

Jawab: Ada beberapa hadis yang menjadikan pembahagian berkenaan dengan hari raya puasa dan hari raya itu yang meluluskan seperti berikut: Hadis-hadis itu bermaksud atau maksudnya: Bahawa hendaklah kamu mulai puasa sesudah melihat bulan yakni sesudah masuk bulan Ramadhan, dan hendaklah kamu berhari raya setelah melihat bulan yakni setelah masuk bulan Syawal.

Lain hadis pula menunjukkan bahawa Rasulullah yang ia dan kaumnya ketika itu tidak mengetahui hisab (perhitungan). Ada pula hadis yang lain yang membolehkan kita berpuasa dan berhari raya dengan melihat bulan dan membenarkan pula kita berpuasa dan berhari raya dengan menggunakan hitungan (hisab).

Ada pula hadis yang membolehkan kita puasa dengan diberi khabar oleh seorang yang melihat bulan dan boleh pula orang lain puasa dengan sebab mendengar khabar dari

orang yang melihatnya sendiri.

Di dalam hadis-hadis yang mengenai puasa ini tidak ada satu hadis yang menentukan bahawa diwajibkan puasa genap 30 hari. Banyak kejadian puasa pada zaman Rasulullah berlaku sebanyak 29 hari sahaja. Menentukan puasa 30 hari seterusnya tidak dapat dibenarkan.

Adapun tentang seseorang itu menjadi kafir seperti saudara sebutkan itu kita tidak mendapat keterangannya. Seseorang yang telah mengucapkan dua kalimah syahadah itu, tidak akan menjadi kafir kerana kewajipan puasa itu adalah kewajipan seseorang yang menjadi pemeluk agama Islam dan jika ia melanggar hukum-hukum Islam maka yang dihadapinya ialah dosa apabila melanggar hukum-hukum itu tidak ia menjadi kafir.

Sudahkah tuan-tuan menjadi anggota Ikhwan?

